

Hadi anggap tafsiran negara Islam Dr. M salah

UM 15 SEP 2003

KUALA LUMPUR 14 Sept. - Pas tidak perlu lagi menyerahkan memorandum negara Islam kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana berpendapat beliau mempunyai penafsiran sendiri terhadap konsep negara Islam.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, cabaran Dr. Mahathir supaya mengeluarkan memorandum tersebut sudah tidak relevan kerana tafsiran kerajaan berhubung negara Islam adalah bertentangan dengan pandangan parti itu.

"Kita anggap cabaran Perdana Menteri itu tidak lagi relevan kerana Perdana Menteri mempunyai takrif tersendiri yang kita anggap fahaman itu salah," katanya ketika ucapan penggulungan pada Muktamar Tahunan Pas Ke-49 di sini hari ini.

Sehubungan itu, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu menyarankan supaya Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan para ulama di negara ini membuat satu definisi sebenar berhubung negara Islam yang sebenar.

Abdul Hadi sebelum ini menafikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam walaupun pelbagai negara dan ulama luar negara mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam termasuk Sheikh Al-Azhar, Dr. Sayed Mohamad Tantawi.

Beliau sebaliknya memaertikaikan kewibawaan Dr. Sayed Mohamad atas alasan beliau dilantik oleh kerajaan Mesir dan bukan melalui ulama-ulama Universiti Al-Azhar.

Semalam, Dewan Pemuda Pas membidas pimpinan Pas kerana sehingga kini masih gagal mengemukakan memorandum negara Islam yang menjadi teras perjuangan parti itu kepada umum walaupun telah berjaya memerintah Terengganu dan Kelantan.

Dalam pada itu, Abdul Hadi juga membidas media utama di negara sebagai faktor yang menghalang orang ramai memahami hasrat penubuhan negara Islam mengikut acuan Pas berikutan kurangnya liputan mengenai perkara itu.

Justeru, beliau menyeru kepada anggota parti dan masyarakat supaya mengadakan kajian terperinci (tabayyun) untuk mengetahui perkara sebenar terhadap penubuhan negara Islam oleh Pas dan tidak hanya bergantung maklumat daripada media.

Pada sesi penggulungan itu, Abdul Hadi turut menegaskan bahawa institusi ulama dalam parti itu menjadi teras kepada perjuangan parti tetapi tidak mengabaikan golongan profesional dan intelek yang terdapat dalam parti.

"Kedua-dua golongan ulama dan intelek memainkan peranan penting dalam membawa parti untuk terus menjadi relevan.

"Proses mentarbiah (mendidik) golongan profesional dan intelek adalah perlu supaya pengetahuan mereka dalam aspek agama setaraf dengan tahap ulama," katanya.